

ANDA JUGA BOLEH MENJADI PEKERJA ERA-K

(Hasnah Ibrahim, Sekolah Siswazah)

Sinopsis

Pekerja era-k, pengisi Wawasan 2020, warga Universiti bertaraf dunia—setiap seorang merupakan manusia istimewa. Banyak telah diperkatakan tentang apa yang diharapkan, malah yang dituntut daripada mereka. Tetapi, apakah kita betul-betul faham tentang perkara-perkara yang memungkinkan lahirnya manusia begini? Apakah kita betul-betul faham tentang sifat-sifat yang kita harapkan ada pada mereka? Oleh kerana kita kini berada dalam era-k—sama ada kita bersedia atau tidak untuk menghadapi cabaran era ini—dan kita mesti berusaha menyesuaikan diri untuk hidup dalam zaman ini, maka tulisan ini akan menumpukan perhatian kepada ikhtiar untuk menjadi pekerja era-k.

Mengenal Zaman-K

Umum maklum bahawa, dalam zaman ini, seperti yang dikatakan oleh Melvin R. Goodes (dalam buku Davis dan Botkin, 1995), “. . . knowledge is the key to success in the new world order . . .” (atau, “pengetahuan ialah rahsia kejayaan dalam orde baru dunia”). Tetapi, hal ini sudahpun lama kita sedari. Kesedaran inilah yang mendorong usaha gigih berbagai pihak untuk memastikan masyarakat kita berpeluang mendapatkan dan mendalami pengetahuan.

Jadi, apakah yang membezakan zaman-k ini daripada zaman-zaman sebelumnya? Perbezaan ini perlu kita sedari supaya kita upaya menyahut tuntutan zaman.

Untuk ini, kita perhatikan sahaja apa yang berlaku di sekeliling kita dalam lima tahun kebelakangan ini. Perkembangan pesat dalam bidang teknologi tinggi telah menghasilkan perubahan pesat dalam semua hal yang menyentuh kehidupan kita. Pelajaran hari ini, lebih-lebih lagi dalam bidang sains dan teknologi, menjadi usang hari esoknya; barang-barang yang melibatkan teknologi tinggi dalam penggunaannya yang dibeli hari ini, menjadi usang esoknya. Perubahan pesat ini membuat ramai yang mengeluh, “nothing is certain except uncertainty.” Jadi, apakah langkah yang perlu diambil untuk hidup dalam zaman pancaroba ini?

John Seely Brown, Ketua Saintis dalam syarikat Xerox (Davis dan Botkin 1995) mengingatkan kita bahawa, “Learning is at the center of the knowledgescape . . .” (atau, “Pembelajaran adalah pusat dalam alam pengetahuan ini”). Dan bukan setakat “learning” sahaja, tetapi, “life-long learning”; pendidikan yang betul-betul sesuai untuk menangani sekitaran yang sentiasa berubah ialah pendidikan yang mengutamakan pembelajaran yang berterusan.

Sepatutnya, amat mudah bagi setiap warga negara Malaysia, yang agama rasminya ialah agama Islam, untuk “belajar sepanjang hayat”. Bukankah agama Islam menuntut umatnya supaya “menuntut ilmu hingga ke liang lahad”? Apakah yang menghalang kita daripada berbuat demikian? Apakah masalahnya bagi kita untuk menjadi warga zaman-K?

Dilema Kita

Ketika dipinta berkongsi pendapat kira-kira enam tahun lalu, tentang pemikiran untuk mengisi Wawasan 2020, saya bangkitkan dilema yang kita hadapi. Lampiran 1 menggariskan Wawasan 2020, dan Lampiran 2 (petikan akhbar tahun 2000) dengan jelas menunjukkan dilema yang saya maksudkan. Izinkan saya memetik balik masalah yang saya utarakan pada Seminar *Pengajaran Sejarah dan Falsafah Sains di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi*, di Universiti Malaya, pada 10 Mei 1994. Dalam usaha kita membentuk bangsa yang “yakin pada diri sendiri” seperti yang dituntut oleh Wawasan 2020, saya dapati bahawa kita tidak memberi bimbingan yang sewajarnya kepada masyarakat yang memerlukannya. Sebagai contoh, saya tulis di situ:

Dalam program “Selamat Pagi Malaysia” di TV1, . . . pernah disiarkan cara untuk memajukan diri. (Caranya ialah dengan mengemukakan “power questions” kepada diri sendiri, dan kemudian menjawabnya. Tiga soalan perlu dijawab, dan dijawab bila-bila saja kita merasa terdorong untuk memajukan diri.) Soalan-soalan ini disusun dalam litar tiga segi. Di puncaknya ialah soalan: “di mana aku sekarang?”. Dari soalan itu kita beralih ke bawah dan menyoal diri kita, “ke mana ingin kita pergi?” dan seterusnya kita beredar pula ke soalan, “bagaimana untuk sampai ke situ?” Soalan-soalan begini menarik, dan pasti berkesan jika digunakan dengan cara yang betul. Sayangnya tidak ada bimbingan untuk kita menjawabnya dengan berkesan. Mungkin ada yang tertanya-tanya di sini, “apa payahnya menjawab soalan begini”; apa pula yang dimaksudkan dengan “cara yang betul atau yang berkesan?”

Maksud saya, untuk menjawab soalan pertama sahaja kita memerlukan . . . “*a scientific frame of mind*”, yakni, tabiat berfikir yang membolehkan kita melihat . . . gambaran sebenar. Kita mesti (boleh menilai diri dengan tepat, dengan tidak dipengaruhi perasaan, keinginan atau khayalan.) Soalan kedua pula kelihatan mudah dijawab, tetapi ramai antara kita yang tidak tahu ke mana yang hendak dituju. Dan tidak pula tahu ke mana hendak ditanya. Ada pula yang tahu ke mana hendak dituju, tetapi tidak dapat menjawab soalan ketiga dengan cara yang dituntut oleh wawasan 2020, yakni, dengan bertata-etika dan bermoral sepenuhnya. Untuk menjawab soalan ketiga ini kita perlu terdidik dalam pemikiran kreatif, untuk dapat membayangkan berbagai kemungkinan; kita perlu dapat menangguk keputusan (untuk menimbang kesemua kemungkinan dengan saksama) dan ini, menurut Bertrand Russell, memerlukan pendidikan dalam ilmu falsafah; dan seterusnya kita sekali lagi (mesti berpemikiran saintifik, untuk boleh membuat keputusan dengan tidak dipengaruhi perasaan dan prasangka.) Kita juga perlu (menggunakan logik, untuk menyedari sama ada keputusan kita itu munasabah atau tidak; kita perlu bersifat kritis, dan kita perlu jujur dan ada “conscience”—yakni, ada sifat “malu”, sifat “merasa salah” jika melakukan sesuatu yang tidak baik.) Dalam masyarakat

yang beraneka ragam ahlinya ini, amat mudah soalan-soalan begini disalahgunakan. Bayangkan kalau seseorang itu menjawab soalan pertama dengan jawapan, “aku miskin”, lalu menjawab soalan kedua dengan “aku mahu cepat kaya” dan menjawab soalan ketiga dengan “merompak”, “menipu”, atau “berniaga dadah”. Apakah padahnya?

Lampiran 2 menunjukkan bahayanya usaha “memupuk keyakinan diri” tanpa panduan. Dalam tulisan ini, kita dapati penulis menolak adanya “bakat”. Walhal, “bakat” ialah anugerah Yang Maha Berkuasa lagi Maha Pemurah, kepada sesiapa sahaja yang dikehendakiNya. Bagaimanakah boleh kita mensyukuri ni’mat dan anugerah Ilahi kalau kita tidak mengakui adanya anugerah tersebut? (Sila lihat Lampiran 3.)

Penulis juga menolak penambahan pengetahuan sebagai sesuatu yang “membazirkan masa”. Bagaimanakah boleh sesiapa yang bersikap begini mengamalkan ‘life-long learning’?

Hal-hal begini dibangkitkan di sini kerana disedari bahawa untuk “menuntut ilmu” dengan berkesan, pelbagai syarat perlu dipenuhi, seperti yang akan dibincangkan seterusnya.

Syarat-Syarat Pembelajaran Berkesan

Dalam buku *Learning How To Learn*, Idries Shah (1985) memberikan pengamatan Sheikh Abdullah Ansari tentang pembelajaran. Menurut Sheikh Abdullah “manusia boleh belajar, hanya setakat keupayaan mereka mengelakkan diri daripada terjebak dalam empat ‘perangkap’ berikut, iaitu:

- 1) *Ingratitude in good fortune*—tidak syukur akan ni’mat;
- 2) *Impatience in ill fortune*—tidak sabar menghadapi musibah;
- 3) *Discontent with their lot*—tidak menerima Qada’ dan Qadar; dan
- 4) *Hesitation in serving their fellows*—keberatan beramal saleh.”

Kata-kata ini mengingatkan kita bahawa segala pengetahuan adalah kepunyaan Yang Maha Esa, dan manusia mengetahui hanya setakat yang diizinkan olehNya.

Seterusnya kita perhatikan tuntutan lain ke atas manusia zaman-K, yang bakal mengisi Wawasan 2020, dan menjadi warga universiti bertaraf dunia.

Pekerja Zaman-K

Dalam buku *Learning For Tomorrow*, Alvin Toffler (1974) menggariskan tuntutan ke atas sistem pendidikan untuk melahirkan pekerja yang ingin kita perhatikan:

The ultimate purpose of . . . education is to help learners cope with real-life crises, opportunities and perils. It is to strengthen the individual's practical ability to anticipate and adapt to change, whether through invention, informed acquiescence, or through intelligent resistance. . . .

To function well in a fast-shifting environment, the learner must have the opportunity to do more than receive and store data; she or he must have the opportunity to *make change* . . . This implies a basic modification of the relationship between . . . theory and practice. . . .

[To survive] under conditions of high novelty requires us to move back and forth between theory and practice . . . faster and more frequently than before. (Dipetik daripada buku: *Learning For Tomorrow*, suntingan Alvin Toffler (1974), Vintage Books, New York.)

Perenggan kedua dalam petikan ini menarik, kerana memaparkan profil pekerja zaman-K—iaitu, ianya mestilah upaya “menghasilkan perubahan”. Wawasan 2020 membuat tuntutan yang sama ke atas warga yang bakal mengisinya—iaitu, bangsa “yang dihormati oleh semua bangsa lain”, seperti yang sering diseru oleh Perdana Menteri kita. Untuk “make change”, atau menjadi “bangsa yang dihormati oleh semua bangsa lain”, kita mesti cuba menjadi perintis dalam pelbagai lapangan.

Menggunakan gagasan Kuhn yang telah diperluaskan penggunaannya oleh Ferguson (1982), masyarakat kita mesti berjaya menghasilkan “*paradigm shifters*”, iaitu, manusia yang dapat mengemukakan penemuan baru. Dalam pada itu, kita juga memerlukan “*paradigm pioneers*”, yang berupaya menghargai nilai pada penemuan “*paradigm shifters*”. Masyarakat kita mesti berupaya menghasilkan **pencipta** (*inventors/indiscoverers*) daripada kalangnya, bukan semata-mata **pengguna** (*consumers*).

Dalam buku *The Monster Under The Bed*, Davis dan Botkin (1995) membincangkan peningkatan empat tingkat, daripada data kepada maklumat, dan pengetahuan dan seterusnya kearifan. (Sila lihat lampiran 4.) Menurut penulis-penulis buku ini:

Data are ways of expressing things, and information is the arrangement of data into meaningful patterns. Knowledge is the application and productive use of information, and wisdom, finally, is the discerning use of knowledge.

Jelaslah, manusia yang boleh (memanfaatkan maklumat dan seterusnya boleh pula menggunakan pengetahuan dengan budibicara) adalah manusia unggul yang perlu dihasilkan. Ialah yang upaya mencipta, yang akan dihormati di peringkat antarabangsa. Dengan kata lain, kita mesti menghasilkan manusia kreatif. Bagaimanakah caranya?

Untuk itu, kita perhatikan pula kata-kata Roger Von Oech:

Knowledge is the stuff from which new ideas are made. Nonetheless, knowledge alone won't make a person creative. . . . [W]e've all known people who knew lots of facts and nothing creative happened. Their knowledge just sat in their crania because they didn't think about what they knew in new ways. The real key to being creative lies in what you

do with your knowledge. (Dipetik daripada buku *A Whack on the Side of the Head*, Thorsons, 1990.)

Roger Von Oech membicarakan tentang 10 belunggu mental yang menghalang manusia daripada menggunakan 'aqlnya dengan kreatif. (Sila lihat Lampiran 5.)

Lampiran 6 mengumpulkan beberapa pendapat tentang kekreatifan. Manusia pencipta, manusia kreatif, manusia cemerlang yang diperlukan untuk mengisi Wawasan 2020 dan seterusnya mengangkat taraf universiti ke taraf dunia, sebenarnya ialah manusia "genius". Apakah ini mustahil dicapai?

Kesimpulan

Dr. Alfred Barrios yang mengkaji sifat persamaan antara genius berpendapat bahawa sesiapa sahaja boleh berfungsi sebagai "genius" kiranya mereka berusaha memupuk sifat-sikap yang disenaraikannya seperti dalam Lampiran 7.

Dari segi agama pula, saya yakin bahawa apa sahaja mungkin, dengan izin Allah. Sekian, Wallah hu 'alam bissawab.

Bibliografi

DAVIS Stan dan Jim Botkin 1995. *The Monster Under The Bed*, New York: Touchstone.

FERGUSON Marilyn, 1982. *The Aquarian Conspiracy*, London: Paladin.

SHAH Idries, 1974. *Learning How To Learn*, London: Penguin.

VON OECH Roger 1990. *A Whack on the Side of the Head*, London: Thorsons.

BARRIOS Alfred, tarikh tidak diketahui. *Towards Greater Freedom and Happiness*, dipetik oleh *Malay Mail* 13/1/80.

WAWASAN 2020

Berikut ialah petikan daripada risalah WAWASAN 2020 (m.s.3-4) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri:

Wawasan 2020 . . . bertujuan untuk menjadikan kehidupan rakyat Malaysia lebih bahagia, mempertahankan maruah bangsa dan bagi menghindarkan diri daripada ditindas oleh bangsa-bangsa lain.

Dalam usaha mencapai matlamat negara maju, sembilan aspek cabaran turut diberikan penekanan iaitu:

- . Melahirkan sebuah negara Malaysia yang bersatupadu;
- . Membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bebas, teguh dan terbentuk jiwanya, yakin akan diri sendiri dan dihormati oleh semua bangsa lain;
- . Memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan sistem demokrasi Malaysia yang berorientasikan masyarakat dan berasaskan maufakat dan musyawarah;
- . Mewujudkan sebuah masyarakat yang bertata-etika dan bermoral sepenuhnya;
- . Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan toleransi [sic];
- . Mewujudkan sebuah masyarakat yang maju dan saintifik;
- . Melahirkan sebuah masyarakat yang berhati dan berbudaya penyayang;
- . Menjamin sebuah masyarakat yang adil dan saksama ekonominya; dan
- . Melahirkan sebuah masyarakat yang makmur dengan ekonominya yang sesungguhnya berdaya-saing, dinamik, tahan lasak dan mempunyai daya ketahanan.

Mitos bakat, kebolehan semula jadi

Oleh Azman Hussin

INTERPRETASI Kamus Dewan perihai bakat adalah seperti berikut, *kebolehan semula jadi (dalam bidang seni, penulisan dan lain-lain)*. Atau, *orang yang mempunyai kebolehan semula jadi*. Kamus lain juga sekata mendefinisikannya dengan maksud yang serupa.

Apakah ini benar, dan boleh di terima akai dalam dunia realiti?

Tulisan ini akan membahaskan subjek bakat dalam bidang penulisan kreatif, meskipun saya fikir ia juga praktikal dan relevan dengan aktiviti penghidupan manusia yang lain.

Ya akan dislongkari dari sudut ilmu kejiwaan atau psikologi. Yang dimaksudkan dengan psikologi di sini adalah di bawah pengertian saya sendiri.

Dan maaf, jika tulisan ini tidak ilmiah oleh kerana tidak disebutkan sumber pakar psikologi semisalnya Carl Jung dan sebagainya.

Ya berasaskan pengalaman, pembacaan, pemikiran dan perenungan secara peribadi.

Menurut pemikiran masyarakat umum, bakat adalah antara jujuk dan modal termahal dalam diri seseorang manusia penulisan untuk menghasilkan sesebuah karya yang hebat dan berkualiti seni.

Itulah set pandangan merakati. Bakat seolah-olah menjadi suatu mitos tersendiri.

Anchanya, ia mencipta belenggu mental kepada calon penulisan.

Anggapan ini telah membina suatu tembok yang *established*, bahawa untuk menulis diperlukan bakat semula jadi.

Menghadiri bengkel penulisan, akan berkemundang kata-andah ini—bakat.

Apakah sebenarnya bakat? Bagi pendapat peribadi, bakat tidak wujud.

Ia hanya wujud dalam daerah jiwa yang dihirnggapi *inferiority complex*.

Segalanya adalah minat. Saya berkeyakinan dalam dunia penulisan, sesiapa pun boleh berkarya jika dia mahu dan berminat, dan yang lebih utama lagi, dia mestilah bersifat gigih.

Anda pun boleh menjadi penulisan yang baik jika itu yang anda pilih.

Sesatu bidang, tidak kira sama ada politik, korporat, seni, atau agama, menagih ketekunan, dan daya sabar yang tinggi.

Majoriti manusia yang berjaya menakluki bidang masing-masing adalah terbukti manusia yang memang berminat besar, *workaholic*, sentiasa melakukan retrospektif

✓ Sepatutnya mitos bakat, yang menghantul fikiran bawah sedar ini, wajar dihapuskan dalam fikiran manusia sebagai prasyarat untuk mengungguli bidang yang diminatinya.

✓ Majoriti manusia yang berjaya menakluki bidang masing-masing adalah terbukti manusia yang memang berminat besar, *workaholic*, sentiasa melakukan retrospektif, muhasabah, berjiwa berani, tidak peduli kata orang dan konsisten.

berkarya, berfikir bebas, dan yang paling utama, mempercayai kebolehan diri sendiri.

Abraham Lincoln, Louis Pasteur, Napoleon Bonaparte, John Steinbeck, Nelson Mandela, Dr Mahathir Mohammad atau Daim Zaiduddin adalah buktinya.

Anda rujuklah buku biografi tokoh agung dunia dalam pelbagai bidang, dan lihatlah sejarah yang mereka lalui dan lakukan sebelum berjaya.

Jangan takjub dengan kegilaan mereka bekorja.

Juga hampir semuanya akan menggeling kepala apabila ditanya, "apakah peranan bakat atau kebolehan semula jadi yang menjadikan anda berjaya dan bernasib sebegini baik?"

Dostoyevsky, dalam imaginasi saya, jika ditakdirkan memilih dunia seni lukis sebagai kerjayanya, lukisannya pun akan seagung novelnya seperti *Notes From The Underground* atau *The Brothers Karamazov*.

Ini bukan kerana kehadiran bakat, sebaliknya minat, usaha keras dan motivasi dirinya, (bukan kursus motivasi), sebagaimana kegilaannya dalam dunia sastera. Bukankah benih yang baik jika jatuh ke laut akan menjadi pulau?

Dalam dunia penulisan, percayalah, yang paling penting dan asas ialah minat bersungguh-sungguh untuk berkarya.

Tanpa bermodalan minat yang sungguh-sungguh, segalanya sia-sia. Mengapa seseorang itu kurang berminat atau sebaliknya, ia bergantung kepada unsur yang membentuk peribadi seseorang itu, kombinasi daripada persekitaran, pendidikan, pengalaman masa lampau dan pelbagai unsur lain lagi, yang berbau kejiwaan, dan sulit untuk diperkatakan di sini.

Meneliti sejarah penulisan agung dunia, tidak dapat dibuktikan minat

mereka. Apakah dapat dinafikan peranan dan kuasa magik minat, jika seseorang penulisan itu mengirinkan berpuh-puluh tulisan, malangnya satu pun tidak tersiar, tetapi dia terus tekun mengirinkan karyanya ke akhbar? Inilah yang pernah terjadi kepada Charles Dicken misalnya.

Dan hasilnya, sehingga kini karyanya masih memberikan dampak yang besar ke atas sastera dunia.

Paling tidak pun itulah yang dikatakan orang.

Tanyalah diri anda, apakah tindakan atau pilihan anda jika mengalami situasi seperti itu? Jawapan anda itu akan menentukan siapa anda dalam bidang yang anda ceburi itu.

Saya berpendapat segalanya adalah masih tentang minat dalam dunia penulisan.

Minat yang unggul akan terus membius seseorang untuk terus menulis karya yang 'tahan karat zaman'. Minat yang tidak boleh ditukar-ganti.

Sebaliknya, dalam banyak bengkel penulisan yang saya hadiri, fasilitator-fasilitornya, semestinya penulisan yang sudah terkenal, lebih cenderung mengaitkan kejayaan seseorang penulisan itu dengan bakat.

Secara prejudis, saya fikir, asalanya persoalan bakat ini ditimbulkan oleh penulis tersebut untuk menonjolkan dirinya secara tidak langsung sebagai manusia istimewa; manusia yang dikurniakan kelebihan tersendiri.

Mereka, penulisan itu secara tidak sedar, hanya dambakan sanjungan, suatu 'pemujaan' palsu ke atas diri mereka yang sebenarnya kurang percaya kepada kebolehan mereka sendiri.

Tidak dapat ditolak kemungkinan yang ia juga terbit dari jiwa manusia yang diserang *inferiority complex* sewaktu kaum membaca sesebuah karya, "oh, penulisan ini memang mempunyai bakat semula

Sekarang, anda, calon penulisan, harus berfikir positif, tiada apa-apa perkara asas yang berbeza antara anda dengan William Shakespeare.

Anda akan menjadi penulisan yang hebat mereka jika anda bermotivasi tinggi, meskipun anda tidak mungkin dapat menulis seperti mereka, kerana tidak ada manusia yang satu gen dalam dunia ini. Itu saja!

Saya fikir lagi, lantaran itulah sesi bengkel penulisan kreatif tidak begitu berjaya melahirkan penulisan yang baik. Malah, ironinya, ia mungkin tempat berkuburnya bakal penulisan.

Di sana anda akan menemui pelbagai teknik atau teori penulisan, dan bukannya motivasi. Anda sebetulnya perlukan gandum, kemudian terpujilah kepada anda untuk menjadikannya jenis juadah yang anda suka.

Lebih praktikal jika dalam sesi bengkel penulisan itu diterangkan bagaimana caranya mengirinkan karyanya dan sebagainya daripada mendongeng tentang bakat dan teori penulisan yang muluk-muluk.

Jangan terkejut jika saya katakan, wujud segelintir calon penulisan yang tidak mahu menulis kerana dia tidak pandai melukis. Kenapa?

Mereka fikir ilustrasi sesebuah cerpen dalam akhbar itu adalah hasil lukisan penulisan cerpen itu sendiri.

Macam tidak masuk akal, bukan? Memetik pula kata-kata Thomas Alva Edison, "99 peratus adalah usaha gigih, hanya 1 peratus bakat."

Beliau bertegas menyatakan manusia yang tekun biasanya, menurut hukum alam, akan berjaya.

Tatkala beliau ditanya pula, apa yang difikirkannya mengenai ratusan kegagalan ujian terawal beliau untuk menghidupkan sebiji mentol elektrik, beliau berkata, "don't call it a mistake, call it an education." Logikjnya, apa yang melonjakkan dirinya sebagai tokoh agung, bukan bakat; sebaliknya usaha keras, atau 'kegilaannya' bekorja.

Jika direnung lebih mendalam lagi, sekiranya seseorang itu berfikir dirinya tidak memiliki bakat, sesudah beberapa buah karyanya tidak tersiar, memang salah dia tidak akan berjaya. Ini disebabkan, secara psikologi, dia akan memberhentikan kerja menulisi, kerana dia fikir dia memang tidak berbakat, lantas apa gunanya dia terus menulis.

Maka natijahnya satu baris puisi bodoh pun tidak akan terhasil.

Bagi saya, manusia agung dalam sejarah adalah kalangan yang ber-

menghadapi apa juga masalah kehidupan dan dalam bidang yang diceburinya.

Lantaran itulah saya sangat tidak bersetuju apabila ada segolongan penulisan yang berpendapat, bahawa untuk menjadi penulisan yang agung, seseorang itu mestilah menghadapi tragedi atau krisis besar dalam hidupnya, seperti kegagalan cinta, kemiskinan, peperangan atau krisis kejiwaan. Mereka memajukan contoh dalam sejarah. Misalnya Dostoyevsky yang menulis karya agungnya kala dilanda kemiskinan dan mala petaka hutang.

Akan tetapi, mereka terlupe bahawa ramai manusia yang tidak bermotivasi tinggi, yang cuma putus cinta misalnya, akhirnya menagih marjannya dan tamat begitu saja riwayatnya. Jangan dilupa juga sejarah selalunya hanya suka mencatat kisah yang berakhir dengan kemiskinan. Tidak ada yang berminat dengan kisah yang diakhiri petaka.

Itulah sebabnya saya muatkan dalam buku antologi cerpen saya, *Dongeng Pascamerdeka*, kisah tragik penulisan agung dunia sebagai kata pengantarnya. Ia sebetulnya motivasi, khususnya untuk diri saya sendiri.

Sebetulnya lagi, bagi saya, kehidupan ini sendiri sebenarnya suatu tragedi, tragedi setiap hari, setiap saat, tragedi menghadapi perjuangan hidup. Ringkasnya, setiap manusia menghadapi tragedi besar, fizikal atau mental, setiap hari. Dan tragedi ini pula bukan dalam pengertian dalam teater Barat.

Jelas di sini, bukan bakat dan juga bukan tragedi, sebaliknya motivasi diri yang akan menentukan siapa akhirnya orang itu. Sebetulnya, apa yang terjadi tidak penting, yang lebih penting adalah bagaimana manusia menghadapi sesuatu yang terjadi itu!

Sepatutnya mitos bakat, yang menghantui fikiran bawah sedar ini, wajar dihapuskan dalam fikiran manusia sebagai prasyarat untuk mengungguli bidang yang diminatinya. Dan, kadang-kadang, kita juga perlu menjadi gila terhadap bidang yang kita minati itu. Bukankah Wilbur Wright dua beradik, pencipta model *besi terbang* itu dituduh gila pada awalnya, sebelum saudara kembar itu berjaya merubah sistem perjalanan manusia?

Saya lanjutkan lagi pendapat saya: Skinner, seorang ahli psikologi *behaviourisme*, yang juga menulis sebuah novel berkisr gagasan dunia utopianya berjudul *Walden Two* (Macmillan, 1948), lagi radikal pandangannya.

orang kanak-kanak itu boleh ditempa untuk menjadi siapa apabila dewasa, sama ada seniman, ahli korporat, saintis, politikus, ahli agama dan sebagainya, tentunya dengan menyediakan persekitaran dan pendidikan tertentu.

Untuk apa? Membentuk dan meneguhkan minatnya.

Beliau mengesyorkan lagi, bahawa bukan bakat yang menentukan kejayaan seseorang itu, sebaliknya minat dalam bidang yang diceburinya.

Meskipun pendapat ini agak melampau, sudut kebenarannya tidak dapat dinafikan, iaitu bakat tidak memainkan apa-apa kerja. Teganya, Skinner secara total menolak kewujudan atau peranan bakat. Akan tetapi, pendapat ini masih boleh dipersoalkan, lantaran kita semua tidak tahu apakah suasana sebenar yang merasuk fikiran Ernest Hemingway untuk menulis *The Old Man and the Sea*.

Lagi pendapat peribadi saya, kepada calon penulisan, lebih baik anda menelaah buku *Unlimited Power*, karangan Anthony Robbins, daripada membazirkan masa membaca buku persiapan asas menulis cerpen atau novel yang sarat teori itu! Sebetulnya akan membuatkan anda lebih gerun dan berasa *dilawasi* kala menulis. Dalam buku itu anda akan menemui hantu yang bakal merosakkan fikiran anda.

Jika anda semua, bakal penulisan, masih berdegil, masih tidak mahu menafikan peranan bakat, anggaplah semua manusia, termasuk juga anda sendiri, adalah manusia berbakat besar, yang *premature*. Inyaa Allah, jika anda berfikir begini, cita-cita anda semudah gambaran di fikiran anda.


Saya juga tidak terlalu taksub dengan penolakan kewujudan bakat alam ini.

Barangkali memang bakat alam itu wujud; tetapi kewujudannya hanya dalam diri manusia yang kuat bekerja, konsisten, berani, optimis, selalu berfikir positif, dan mempercayai kebolehan dirinya.

Akhirnya, idea tulisan saya ini hanya olahan semula pendapat Sutung Umar Rs kala saya di Rumah Pena, katanya, *bakat adalah karut semasa-masa*. Saya hanya melanjutkan apa yang telah ada, juga menyusun dan menokok-tambahnya dengan contoh dari buku sejarah.

Selebihnya, percayalah, musuh terbesar manusia agung ialah, mudah bosan, mudah berpuas hati, kemalasan, sifat pesimis, hambatan material, takurkan pandangan umum, kekurangan motivasi, dan

Four Steps to Wisdom



1. The Right Answer.
2. That's Not Logical.
3. Follow the Rules.
4. Be Practical.
5. Play Is Frivolous.
6. That's Not My Area.
7. Avoid Ambiguity.
8. Don't Be Foolish.
9. To Err Is Wrong.
10. I'm Not Creative.

Creativeness often consists of merely turning up what is already there. Did you know that right and left shoes were thought up only a little more than a century ago?

—Bernice Fitz-Gibbon

In every work of genius we recognize our own rejected thoughts; they come back to us with a certain alienated majesty.

—Ralph Waldo Emerson (1803-1882)

Genius means little more than the faculty of perceiving in an unhabitual way.

—William James

It is the great triumph of genius to make the common appear novel.

—Johann W. von Goethe (1749-1832)

WHAT GENIUSES HAVE IN COMMON ...AND YOU CAN DEVELOP TOO

Dipetik daripada buku *Towards Greater Freedom and Happiness* oleh Dr. Alfred Barrios oleh akhbar *The Malay Mail* 13/1/80:

1. **DRIVE.** Geniuses have a strong desire to work hard and long. They are willing to give all they've got to a project.

DEVELOP YOUR DRIVE BY FOCUSING ON YOUR FUTURE SUCCESS AND KEEP GOING.

2. **COURAGE.** It takes courage to do things others consider impossible.

STOP WORRYING WHAT PEOPLE WILL THINK IF YOU ARE DIFFERENT.

3. **Devotion to goals.** Geniuses know what they want and go after it.

GET CONTROL OF YOUR LIFE AND SCHEDULE. HAVE SOMETHING SPECIFIC TO ACCOMPLISH EACH DAY.

4. **Knowledge.** Geniuses continually accumulate information.

NEVER GO TO SLEEP AT NIGHT WITHOUT HAVING LEARNED AT LEAST ONE NEW THING THAT DAY. READ. AND QUESTION PEOPLE WHO KNOW.

5. **Honesty.** Geniuses are frank, forthright and honest.

TAKE THE RESPONSIBILITY FOR THINGS THAT GO WRONG. BE WILLING TO ADMIT, 'I GOOFED' AND LEARN FROM YOUR MISTAKES.

Optimism. Geniuses never doubt they will succeed.
DELIBERATELY FOCUS YOUR MIND ON SOMETHING GOOD
COMING UP.

Ability to judge. Try to understand the facts of a
situation before you judge.

EVALUATE THINGS ON AN OPEN-MINDED, UNPREJUDICED
BASIS AND BE WILLING TO CHANGE YOUR MIND.

Enthusiasm. Geniuses are so excited about what
they are doing. It encourages others to
cooperate with them.

REALLY BELIEVE THAT THINGS WILL TURN OUT WELL.
DON'T HOLD BACK.

Willingness to take chances.

OVERCOME YOUR FEAR OF FAILURE. YOU WON'T BE
AFRAID TO TAKE CHANCES ONCE YOU REALISE YOU CAN
LEARN FROM YOUR MISTAKES.

Dynamic energy.

DON'T SIT ON YOUR BUTT FOR SOMETHING TO HAPPEN.
BE DETERMINED TO MAKE IT HAPPEN.

Enterprise. Geniuses are opportunity seekers.

BE WILLING TO TAKE ON JOBS OTHERS WON'T TOUCH.
NEVER BE AFRAID TO TRY THE UNKNOWN.

Persuasion. Geniuses know how to motivate people
to help them get ahead.

YOU'LL FIND IT EASY TO BE PERSUASIVE IF YOU BE-
LIEVE IN WHAT YOU'RE DOING.

3. **Outgoingness.** Geniuses are able to make friends easily and are easy on their friends.
BE A 'BOOSTER' NOT SOMEONE WHO PUTS OTHERS DOWN.
THAT ATTITUDE WILL WIN YOU MANY VALUABLE FRIENDS.
4. **Ability to communicate.** Geniuses are able to effectively get their ideas across to others.
TAKE EVERY OPPORTUNITY TO EXPLAIN YOUR IDEAS TO OTHERS.
5. **Patience.**
BE PATIENT WITH OTHERS MOST OF THE TIME, BUT ALWAYS BE IMPATIENT WITH YOURSELF. EXPECT FAR MORE OF YOURSELF THAN OF OTHERS.
6. **Perception.** Geniuses have their mental radar working full time.
THINK MORE OF OTHERS' NEEDS AND WANTS THAN YOU DO OF YOUR OWN.
7. **Perfectionism.** Geniuses cannot tolerate mediocrity, particularly in themselves.
NEVER BE EASILY SATISFIED WITH YOURSELF. ALWAYS STRIVE TO DO BETTER.
8. **Sense of humour.** Be willing to laugh at your own expense.
DON'T TAKE OFFENCE WHEN THE JOKE'S ON YOU.
9. **Versatility.** The more you learn to accomplish, the more confidence you will develop.
DON'T SHY AWAY FROM NEW ENDEAVOURS.

0. **Adaptability.** Being flexible enables you to adapt to changing circumstances readily.

RESIST DOING THINGS THE SAME OLD WAY. BE WILLING TO CONSIDER NEW OPTIONS.

1. **Curiosity.** An inquisitive, curious mind will help you seek out new information.

DON'T BE AFRAID TO ADMIT YOU DON'T KNOW IT ALL. ALWAYS ASK QUESTIONS ABOUT THINGS YOU DON'T UNDERSTAND.

2. **Idealism.**

KEEP YOUR FEET ON THE GROUND--BUT HAVE YOUR HEAD IN THE CLOUDS. STRIVE TO ACHIEVE GREAT THINGS, NOT JUST FOR YOURSELF, BUT FOR THE BETTERMENT OF MANKIND.

3. **Imagination.** Geniuses know how to think in new combinations, see things from a different perspective, better than anyone else.

UNCLUTTER YOUR MENTAL ENVIRONMENT TO DEVELOP THIS TYPE OF IMAGINATION. GIVE YOURSELF TIME EACH DAY TO DAYDREAM, TO FANTASISE, TO DRIFT INTO A DREAMY INNER LIFE THE WAY YOU DID AS A CHILD.

not specified, but implicit in several of the traits
[humility--intellectual humility.]